

TERMINOGRAFI MELAYU: KOSA KATA SENI KRAF MELAYU

(TERMINOGRAPHY IN MALAY CRAFTS)

Puteri Roslina Abdul Wahid dan Hasnah Mohamad

Abstrak

Tulisan ini menumpukan perhatian kepada terminografi Melayu khususnya Seni Kraf Melayu. Terminografi melalui pembentukan natif membantu penggubalan istilah baharu berdasarkan sistem konsep yang dibina bagi menyediakan glosari atau kamus teknikal. Terminografi merupakan satu peraturan yang menjadi amalan dan kaedah bagi pengumpulan, pendeksripsian dan perwakilan istilah (Sager, 1990). Terminografi merupakan keluarga leksikografi. Ahli leksikografi mendokumenkan kata dalam perbendaharaan kata umum, manakala ahli terminografi mendokumenkan istilah khusus dalam bidang, domain, atau disiplin khas. Leksikografi merangkumi perakaman kata dalam perbendaharaan bahasa menggunakan format yang sistematik yakni secara urutan abjad. Komponen praktikalnya berhubungan dengan sains terapan pengumpulan dan penyuntingan kamus. Terminografi merupakan amalan bidang antara disiplin yang berhubungan dengan linguistik, logik, ontologi dan sains maklumat dalam pelbagai bidang. Unsur yang paling umum yang berhubungan dengan organisasi formal hubungan kompleks antara konsep dengan sistem konsep. Terminografi dalam Seni Kraf Melayu dapat menyebarkan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa melalui penghasilan glosari dwibahasa atau multibahasa.

Abstract

This paper focuses on the Malay terminography specifically on the Malay Crafts. Terminography via natif formation helps to coin new terms based on

the concept system build in preparing a glossary or a technical dictionary. Terminography is the set of practices and methods used for the collection, description and presentation of terms (Sager, 1990). Terminography is a family member of the lexicography. It is a subdivision of lexicography that deals with technical and scientific terms. Lexicographers document the words of the vocabulary of the general language, while terminographers document the terms of specific subject areas, domains or disciplines. Lexicography comprises the recording of the words in the vocabulary of the language into a specific systematised format (e.g. alphabetically). The practical component which deals with the applied science of compilation and editing of dictionaries. Terminography is an interdisciplinary practice linking linguistics, logic, ontology and information sciences with a variety of different subject areas and domains. The common element being the concern with the formal organisation of the complex relationships between concepts and terms. Terminography in Malay Crafts will helps to disseminate the usage of Malay language internationally by producing a bilingual atau multilingual glossary or dictionary.

Pengenalan

Terminografi ialah kerja yang berkaitan dengan pengumpulan, penghuraian, pemprosesan dan penyampaian kosa kata milik penggunaan yang khusus dalam satu atau beberapa bahasa (Sager 1995: 177). Terminografi merupakan keluarga leksikografi. Kedua-dua bidang ilmu ini mempunyai persamaan dari segi yang berikut, pertama, terminografi menguruskan data yang tergolong dalam leksis sesuatu bahasa (kata) dan menyediakan maklumat tentang kata tersebut; kedua, terminografi bertujuan menghasilkan kamus, iaitu kamus umum (leksikografi) dan kamus istilah (terminografi); dan ketiga, terminografi mempunyai ciri-ciri teori dan gunaan.

Terminografi hanya mengambil kira kosa kata khusus dalam sesuatu bidang kerana istilah mempunyai makna khusus dan tidak bergantung pada konteks penggunaannya (Sterkenburg 2003: 100). Antia (2003: 10) pula menegaskan bahawa leksikon bahasa bidang khusus menggambarkan sifat pengaturan suatu disiplin dengan maksud mengadakan unit leksikal yang sama banyak dengan konsep yang terbentuk dalam subruang disiplin tersebut dan dengan membataskan rujukan setiap unit leksikal kepada

daerah yang ditakrifkan sebaiknya. Di samping mengandungi sejumlah butir yang dipenuhi sifat utama rujukan khusus, leksikon bahasa khusus juga mengandungi butir rujukan am yang tidak selalunya khusus kepada sebarang disiplin dan yang sifat rujukannya kabur atau terlalu umum. Butir-butir yang disifatkan dengan rujukan khusus dalam suatu disiplin adalah 'leksikon' dalam disiplin tersebut, manakala yang berfungsi dalam rujukan am pada subbahasa disebut 'kata' dan keseluruhan kata itu disebut 'kosakata'.

Terminografi membataskan konsep sesuatu istilah dengan menyaring dan mengelaskan istilah ke dalam sesuatu bidang (Sager 1995: 178). Menurut Caluwe & Taeldeman (2003: 70), leksikografi menghuraikan ilmu tentang kata, iaitu membantu pengguna memperoleh tanggapan tentang sesuatu kata dan memahami bagaimana kata digunakan dalam wacana antara beberapa orang. Ilmu tentang kata mencakupi maklumat tentang leksem dan unsur-unsur yang lebih kecil seperti fonem, grafem, suku kata, dan morfem yang tersisip dalam konsep yang lebih besar, iaitu frasa, klausa, ayat dan perenggan yang tercakup dalam konteks lakuan bahasa dan genre luar linguistik yang lebih luas (Asmah 1982).

Papaev (2003: 10) menghuraikan bahawa dalam membatasi konsep, objektif terminografi yang utama ialah istilah dianggap sebagai simbol yang mewakili konsep. Oleh yang demikian, konsep perlu dicipta dan wujud terlebih dahulu sebelum istilah dibentuk bagi mewakili konsep tersebut. Pembentukan konsep melibatkan proses mengumpul dan mengatur objek benda dan objek bukan benda yang kita rasa, tanggap atau bayangkan ke dalam kategori mujarad. Pengelasan dimulai dengan pemerhatian terhadap sekitaran untuk mengenal pasti sejumlah objek tunggal yang mempunyai ciri umum. Misalnya, kita boleh mengenal pasti ciri umum yang dimiliki oleh sekumpulan binatang tertentu yang dapat dikelompokkan di bawah label konsep. Dalam tahap urutan yang lebih luas, kita dapat mengelompokkan jenis objek ke dalam kelas yang lebih luas, misalnya kumpulan kucing dengan anjing sebagai binatang, mewujudkan satu set kategori berasingan bagi binatang liar dan binatang peliharaan. Sager (1995: 22) merumuskan konsep sebagai membina proses kognisi manusia yang membantu mengklasifikasikan objek melalui pemujaradan yang bersistem atau arbitrari.

Perkembangan Leksikal Melayu

Seperkara yang jelas kelihatan dalam perkembangan leksikon bahasa Melayu ialah kemasukan unsur luar khususnya bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain. Keadaan ini lazimnya lebih banyak melibatkan penciptaan kosa kata pinjaman kerana melibatkan bidang yang dibawa masuk daripada komuniti lain ke dalam bahasa Melayu. Permasalahan ini menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu yang khuatir dengan ketidakupayaan bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa ilmu dan saratnya kata pinjaman dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu. Terminografi melalui pembentukan natif merupakan kaedah yang dapat menyelesaikan sebahagian daripada permasalahan ini dengan menggunakan sebaik mungkin kekayaan yang ada dalam kosa kata Melayu bagi mendokong konsep baharu tersebut. Tidak banyak kajian tentang terminografi Melayu yang dijalankan. Bidang ini merupakan sesuatu yang agak baharu berbanding dengan bidang leksikografi dalam kajian kosa kata di Malaysia. Penggunaan kosa kata natif akan memperkayakan lagi khazanah perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu apabila kosa kata yang sedia ada diperluaskan bagi mendokong konsep baharu. Kaedah terminografi yang sesuai dapat membantu pengembangan khazanah kosa kata asli bahasa Melayu khususnya dalam kalangan pengusaha kraf Melayu kini.

Asas Terminografi

Terminografi tidak seharusnya dikelirukan dengan penterjemahan. Penterjemah memerlukan istilah bagi teks khusus tetapi ini tidak membawa maksud penterjemah perlu membangunkan peristilahan ataupun terlibat secara langsung dengan istilah dalam bidang khusus. Mendalami bidang terminografi tidak bermakna hanya melibatkan penterjemahan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain berasaskan persamaan padanan tetapi sebenarnya kerja ini melibatkan pengumpulan data dalam satu bahasa berdasarkan designasi yang digunakan oleh pengguna bahasa bagi merujuk satu konsep tertentu dalam bidang khusus misalnya istilah dalam seni kraf batik lebih banyak diketahui oleh kelompok pengusaha batik khususnya di Kelantan dan Terengganu.

Istilah merupakan kosakata khusus yang dikumpul daripada keadaan sebenar dan bukan dicipta atau digubal oleh pakar istilah semata-mata. Apabila pakar istilah berbincang tentang sesuatu konsep, mereka tidak berhenti hanya disebabkan kekurangan istilah tetapi mereka berusaha mencari kosakata khusus yang dapat membantu mengekspresikan konsep dalam bentuk kata. Ketiadaan tajuk tertentu dalam komunikasi bahasa khusus menyebabkan jurang dalam kerja terminologi. Justeru, seorang ahli terminologi perlu melengkapkan dirinya dengan kaedah pengumpulan data yang sepatutnya digunakan apabila menentukan sesuatu istilah bagi konsep tertentu dalam bidang khusus. Ini bermakna terminografi amat penting dalam menyediakan asas yang kukuh bagi terminologi berkembang.

Dalam hal ini terdapat banyak bahan rujukan perlu disediakan. Kerja terminografi bermula dengan penyediaan dokumen bagi dokumentasi, dokumen bagi bidang khusus, dokumen bagi topik, dan akhirnya dokumen bagi kaedah. Pengetahuan asas terminografi memerlukan latihan dengan tujuan khusus bagi merangka kaedah untuk kajian lapangan dalam usaha mengumpulkan data. Antara dokumen yang diperlukan ialah ISO 704 (1987) Prinsip dan Kaedah Terminologi, ISO 1087 (1990) Terminologi : Perbendaharaan Kata I, ISO/DIS 1087 Kerja Terminologi : Perbendaharaan Kata II, ISO/R 1968 Unifikasi Konsep dan Istilah dan ISO 10241(1992) Standard Terminologi Antarabangsa. Komunikasi lisan dan tulisan teknikal dan saintifik merupakan bahan asas terminografi bagi menghasilkan istilah. Ahli terminologi perlu mengumpulkan data ini di lapangan atau melalui bacaan teks yang diterbitkan. Justeru, terminografi menuntut iltizam yang tinggi dalam kalangan pengkaji agar istilah yang terkumpul dalam bidang khusus tersebut mempunyai autoritinya tersendiri.

Terminografi dalam Seni Kraf Tangan Melayu

Secara umumnya bidang seni kraf tangan memperlihatkan pembentukan kosakata khusus berdasarkan inovasi saintifik dan teknologi dalam komuniti linguistik Melayu sendiri yakni berlakunya pembentukan kosakata natif dalam memperkembangkan leksikal bahasa Melayu. Tenunan, sulaman, tekat, batik dan ukiran merupakan antara seni kraf yang begitu sinonim dengan masyarakat Melayu. Misalnya, penggunaan kosakata

natif yang merupakan kata setempat, dialek, bahasa sukuan dan sebagainya bagi mendokong konsep tertentu. Dalam kerja peristilahan, pakar bidang berperanan membuat pemetaan konsep dan penjadualan konsep manakala pakar peristilahan membantu dari segi ilmu peristilahan (Pitch & Draskau 1985: 20). Menurut Felber (1995: 46), pemetaan dan penjadualan konsep membantu dalam pengumpulan maklumat yang diketahui tentang sesuatu perkara dan memahami maklumat baru yang sedang dipelajari. Dengan adanya pendekatan menurut konsep dan sistem konsep, kerja pengumpulan istilah menjadi lebih mantap apabila kerja tersebut dimulai dengan membina dan mengumpul sistem konsep yang ada dalam bidang berkenaan dalam bentuk yang dicadangkan dalam kerja peristilahan antarabangsa.

Asmah (1987: 30) menjelaskan bahawa walaupun kita tidak mencipta konsep baru (kerana konsep itu kita ambil dari bahasa sumber) dalam penciptaan istilah bahasa Melayu pada masa ini, konsep yang telah terbina itu tidaklah tersusun rapi sebagaimana yang seharusnya. Selain itu, sifat kamus sendiri yang berdasarkan penggunaan tidak menjamin memasukan semua konsep yang berkaitan secara meluas (Hartmann 1993: 40). Semua istilah baharu dalam bidang-bidang yang dibawa masuk daripada komuniti lain, misalnya bidang perubatan, teknologi maklumat dan bioteknologi biasanya memerlukan objek baharu, bahagian-bahagian objek dan proses baharu. Tiga pendekatan utama dalam penciptaan pepadanan baharu adalah seperti yang berikut (*PUPIBM* Edisi Baharu, 2004: 5):

- i. Penggunaan sumber sedia ada. Misalnya, bidang seni bina Melayu mempunyai begitu banyak kosa kata bahasa Melayu berdasarkan kepelbagaian bentuk rumah Melayu serta seni pertukangannya. Oleh itu, istilah-istilah tersebut boleh dimanfaatkan untuk membentuk istilah baharu dalam bidang berkaitan.
- ii. Pengubahsuaian sumber sedia ada. Misalnya, dengan pengubahsuaian ejaan istilah bahasa asing mengikut sistem ejaan bahasa Melayu. Pengubahsuaian ini boleh dibuat secara keseluruhan atau sebahagian kata atau imbuhan istilah berkenaan.

- iii. Penciptaan entiti linguistik yang baharu. Bagi konsep yang benar-benar baru muncul, maka entiti linguistik yang baharu boleh dicipta menggunakan kata-kata sedia ada. Misalnya, virus nipah ialah istilah yang dicipta untuk sejenis varian bagi virus yang ditemui oleh pakar mikrobiologi Malaysia tidak lama dahulu.

Peristilahan sesuatu subjek ialah kumpulan kata khusus yang digunakan dalam subjek khusus. Sebuah kamus yang mengandungi istilah dikenali sebagai kamus teknikal, kamus subjek, senarai istilah, kamus istilah, atau kamus untuk tujuan khusus. Sebenarnya tidak terdapat perbezaan yang besar antara bahasa umum dengan bahasa khusus. Bentuk bahasa ini merupakan satu kesinambungan daripada laras apabila kata secara beransur-ansur berubah menjadi istilah dan menjadi lebih khusus. Secara holistiknya, mereka yang berada dalam kedua-dua bidang menggunakan asas dan prinsip yang sama untuk merakam dan menyebarkan istilah. Terminografi merupakan kerja pengumpulan perbendaharaan bahasa khusus. Output terminografi boleh dinamakan dalam pelbagai jenis, iaitu senarai istilah, glosari, perbendaharaan kata khusus, dan sebagainya.

Pendokumenan Data Terminografi Seni Kraf Melayu

Terminografi merupakan kegiatan yang bertujuan merekodkan pemadanan istilah-konsep, termasuk kedudukan konsep dalam sistem konsep, iaitu merekodkan data istilah yang memberikan huraian yang tepat tentang istilah dan tentang hubungan antara satu konsep dengan konsep-konsep yang lain. Secara umum, terminografi ialah proses pengendalian data terminografi dengan tujuan untuk menetakannya pada pembawa data, tidak kira jenis pembawa data itu. Kosakata yang dihasilkan menggunakan pendekatan bersistem dan takrifnya dapat membuktikan sifat saintifik kerja peristilahan. Data istilah akan mempunyai item sumber, simbol bahasa (jika multibahasa), perakam, data perekodan dan lain-lain. Data istilah dan seluruh data berkaitan akan menjadi data terminografi. Seluruh set data terminografi merupakan data terminologi atau rekod peristilahan. Terdapat tiga jenis terminografi, iaitu:

- Pertama, terminografi yang merekodkan penggunaan peristilahan seadanya (terminografi deskriptif).
- Kedua, terminografi yang sepatutnya (terminografi preskriptif).
- Ketiga, terminografi yang dicadangkan yakni terminografi yang merekodkan istilah saintifik kerana konsep asas sains sentiasa berubah. Bagi golongan ini, istilah saintifik hanya boleh dicadangkan tetapi tidak boleh diprekripsikan.

Sebarang kerja terminografi haruslah bermula dengan menentukan unsur terminografi yang harus direkodkan. Unsur ini hendaklah sejajar dengan piawaian antarabangsa bagi memudahkan pertukaran data. Menurut Wuster, cabaran abad ke-20 ialah perekodan istilah bagi semua bidang ilmu dalam bentuk yang boleh dibaca oleh komputer dan sentiasa dikemaskinikan. Penggunaan kaedah yang disatukan melibatkan data terminografi distrukturkan mengikut kategori yang membentuk unit yang lebih besar (unit terminografi) seperti butiran atau rekod istilah, yang merupakan entiti fail kad, kosa kata atau bank data istilah. Data disimpan pada kad atau helaian yang bersusun atau secara elektronik pada pita dan cakera. Penggunaan unsur data yang disatukan, simbol leksikografi yang disatukan dan tataletak butiran menjadi satu keperluan. Pada keseluruhannya, kaedah yang akan digunakan bergantung kepada projek. Data terminografi ialah unit-unit maklumat yang terkecil. Ini bermakna apa sahaja maklumat yang boleh menerangkan atau berkaitan dengan sesuatu istilah. Contohnya, takrif/definisi, konteks penggunaan, rumusan/formula, simbol, dan lain-lain. Data terminografi dikumpulkan untuk memenuhi beberapa tujuan seperti penterjemahan, penyuntingan, pendokumenan, dan lain-lain. Data tersebut harus dirakam, diproses dan disimpan untuk penggunaan penyelidikan pada masa akan datang. Data ini boleh dirakam dalam berbagai-bagai bentuk seperti kamus, senarai perbendaharaan kata, kad, bank istilah dan senarai istilah.

Ekstrasi rekod amat penting dalam terminografi. Rekod seharusnya bermula dari mula penyelidikan kosa kata tersebut dilakukan. Rekod ini distrukturkan agar boleh digunakan dalam protokol lain. Tiga jenis rekod yang digunakan bergantung kepada tahap dan objektif kerja penyelidikan, iaitu rekod ekstrasi, rekod istilah, dan rekod koresponden. Rekod ekstraksi mestilah mengandungi istilah yang telah dikenal pasti dalam sumber dokumen. Struktur rekod ekstrasi membenarkan representasi

maklumat komplementari secara langsung atau tidak langsung daripada teks apabila istilah tersebut ditemui. Rekod ini dapat dilihat seperti di bawah:


1. Entri		
2. Kategori Tatabahasa	4. Deskripsi kandungan	3. Bidang subjek
5. Definisi / konteks		
6. Rujukan	7. Perakam/Tarikh	

Rajah 1: Rekod Terminografi.

1. bunga tubuh		
2. Kata kata nama	3. Seni Kraf Melayu	4. Istilah Seni Batik
5. Corak atau motif yang menghiasi bahagian tubuh kain atau sarung atau batik lepas		
6. Glosari Budaya Malaysia: Seni Batik	7. Puteri Roslina Abdul Wahid /14 Julai 2010	

Rajah 2: Rekod Terminografi: Entri 'bunga tubuh'.


Bagi setiap entri, perlulah ada peta konsep yang membantu pengguna melihat hubungan antara satu istilah dengan istilah atau konsep yang lain dalam bidang yang sama. Entri seharusnya ditulis dalam huruf kecil kecuali nama khas. Apabila perakam mendapati bahawa terdapat beberapa varian dari segi ejaan atau istilah itu sendiri, maka maklumat lengkap perlulah diisi dan dirakamkan dengan penambahan atribut bagi masukan data. Setiap kemasukan entri mempunyai pelbagai model

1. canting		
2. kata kata nama	3. Seni Kraf Melayu	4. Istilah Seni batik
5. Alat daripada yang menjadi bekas lilin cair untuk melukis corak (mencanting) pada kain.		
6. Glosari Budaya Malaysia : Seni batik		
7. Puteri Roslina Abdul Wahid / 14 Julai 2010		
		
<pre>graph TD; A[canting] --> B[pemegang]; A --> C[mata]; A --> D[kepala];</pre>		

Rajah 3: Rekod Terminologi: Entri 'canting'.

Bentuk rekod yang dirakamkan akan disimpan menggunakan perisian tertentu yang boleh dibina oleh organisasi atau individu yang terlibat dalam kerja terminografi. Penstandardan pada peringkat antarabangsa. Terdapat juga data terminografi dirakam dalam bentuk ilustrasi bagi memudahkan pengguna memahami konsep yang didukungnya misalnya rajah di bawah.

bergantung kepada perisian yang mendokong pangkalan data terminografi tersebut. Kemungkinan maklumat tambahan dapat dihubungkan dengan hubungan konsep dan istilah serta ciri bagi istilah:



Rajah 4: Hubungan Partitif atau Seluruh-Bahagian.

1. Canting - Alat daripada tembaga yang menjadi bekas lilin untuk melukis corak.
2. Pemegang - Bahagian badan canting, biasanya daripada kayu yang menjadi tempat memegang.
3. Mata - Bahagian canting yang melengkung ke bawah yang merupakan laluan keluar lilin cair sewaktu digunakan untuk mencanting.
4. Kepala canting - Bahagian tengah canting yang berbeza-bagai bentuk seperti bentuk kasut dan periuk, yang digunakan sebagai tempat untuk menampung campuran lilin cair.

Canting

- Alat membuat batik tulis.
- Diperbuat daripada tembaga.
- Merupakan bekas lilin cair untuk melukis corak pada kain.
- Bahagian pemegang, kepala dan mata.
- Mempunyai pelbagai bentuk kepala.

- Berbagai-bagai ukuran dan bentuk seperti burung, periuk dan kasut.
- Mempunyai mata yang pelbagai saiz – halus, kasar, dan pertengahan.

Rekod terminografi yang standard perlulah mengandungi butiran yang berikut:

1. Identifikasi istilah
2. Sumber istilah
3. Istilah entri
4. Kategori tatabahasa
5. Bidang
6. Definisi
7. Sumber definisi
8. Konteks penggunaan
9. Sumber konteks
10. Rujuk silang kepada istilah sinonim
11. Konsep rujuk silang
12. Jenis rujuk silang yang lain
13. Konsep bagi setiap jenis rujuk silang
14. Perakam dan tarikh
15. Maklumat tambahan
16. Bahasa yang sepadan
17. Sumber bagi setiap maklumat tambahan

Sebagai tambahan kepada data ini, rekod juga perlulah memasukkan juga maklumat lain bergantung kepada sebab-sebab maklumat itu diperlukan. Ini juga melibatkan bahasa lain yang menggunakan konsep yang sama. Bentuk-bentuk data terminografi juga dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis, iaitu:

- Kosakata/Perbendaharaan Kata - Jenis kumpulan data terminografi yang paling penting ialah kosakata khusus. Perbendaharaan kata menyenaraikan perkataan dan memberikan penjelasan tentangnya. Oleh sebab penekanannya kepada definisi, data jenis ini dikenali dengan sifatnya yang berorientasikan konsep/definisi, iaitu butiran disusun mengikut susunan yang dikelaskan selaras dengan sistem

konsep. Semua konsep ditakrifkan. Sistem konsep sesuatu bidang atau subbidang khusus digambarkan dalam butiran tersebut, yang pada keseluruhannya membentuk kosakata bagi bidang atau subbidang khusus.

- Kamus - Kamus dalam data peristilahan berbeza daripada kamus bahasa kerana kamus ini menyenaraikan istilah dalam sesuatu bahasa dan padanannya dalam bahasa yang lain. Suatu definisi yang ringkas sahaja diberikan. Oleh yang demikian bentuk ini dikatakan berorientasikan istilah. Kamus ini merupakan kamus penterjemahan dan mengandungi istilah satu bahasa dengan padanan dalam bahasa yang lain. Butiran mengandungi istilah dengan padanannya dalam satu bahasa atau lebih. Butiran ditertibkan mengikut abjad istilah dalam satu bahasa. Butiran mengandungi istilah dengan padanannya dalam satu bahasa atau lebih. Butiran ditertibkan mengikut abjad istilah dalam satu bahasa. Kamus penterjemahan hanya lengkap dan andal/boleh dipercayai (*reliable*) jika diasaskan pada kosakata peristilahan. Terdapat juga kamus frasa yang butirannya terdiri daripada set unit frasa dalam pelbagai bahasa. Unit frasa ini melambangkan unit istilah.
- Tesaurus dokumentasi - Tesaurus biasanya menyenaraikan setiap sinonim yang ada mengikut kelas katanya. Tesaurus dalam data peristilahan berbeza daripada tesaurus biasa kerana tesaurus peristilahan menyenaraikan istilah-istilah yang diutamakan sahaja. Tujuannya adalah untuk mengawal pembentukan istilah-istilah baru. Kumpulan data bagi tesaurus ini terdiri daripada unsur data istilah yang berfungsi untuk mengawal indeks bahasa khusus dan untuk menunjukkan hubungan antara konsep. Jika skop pemerian menyimpang daripada penggunaan umum, hal ini boleh dijelaskan dengan menggunakan nota skop, yang melalui penyempitan atau peluasan makna boleh dilakukan. Tesaurus dokumentasi pelbagai bahasa bertujuan mendapatkan semula dokumen oleh pengguna daripada pelbagai masyarakat linguistik. Bentuk ini tidak disyorkan untuk tujuan penterjemahan.
- Bank data istilah - Bank data peristilahan merupakan satu kumpulan data peristilahan sama ada dalam bentuk kad atau rakaman dalam komputer. Tujuannya bagi memudahkan pengguna mendapatkan data yang tersimpan dan membolehkan data ini diproses mengikut keperluan pengguna. Bank data peristilahan sepatutnya menjadi

rujukan permulaan setiap kerja peristilahan. Setiap senarai istilah baru perlu dibandingkan dengan istilah yang terdapat dalam bank data tersebut. Istilah yang ada tidak perlu dibincangkan semula bagi mengelakkan penciptaan istilah baru. Pengguna bank data peristilahan ialah pakar bidang, ahli sains, ahli bahasa, penyunting, pengkaji bahasa dan sebagainya. Bank data terkini banyak menggunakan perisian baru dan mempunyai kaedah tersendiri dalam merakam serta mendapatkan kembali data.

- Senarai istilah - Data peristilahan yang paling ringkas boleh dibuat dalam bentuk senarai istilah. Kekeliruan yang sering timbul dalam penggunaan senarai ini ialah kerana istilah yang disenaraikan tidak disertakan konteks penggunaannya. Penciptaan sesuatu istilah hendaklah disertai dengan takrifnya. Senarai mentah tanpa takrifan, bukan sahaja mempunyai kegunaan yang terbatas tetapi juga terbuka kepada salah tafsir, yang kemudian membawa kepada kesilapan dalam penggunaannya.

Penerapan SosioTerminografi dalam Seni Kraf Tangan Melayu

Satu lagi aspek penting dalam terminografi ialah kemunculan sosioterminologi dalam bidang peristilahan. Sosioterminologi ialah kajian terminologi dalam masyarakat bahasa yang sebenar (Temmerman 2000: 3). Menurut sosioterminologi, takrif lebih bergantung pada jenis unit kefahaman serta aras dan jenis pengkhususan penghantar dan penerima dalam komunikasi. Keadaan ini mengakibatkan maklumat yang lebih penting atau kurang penting bagi sesuatu takrif itu menjadi berbeza-beza. Temmerman (2000: 10) seterusnya menyarankan bahawa penerapan pendekatan yang diambil oleh ahli sosioterminologi adalah lebih sesuai dalam menangani takrif istilah berbanding dengan pendekatan takrif istilah secara tradisional. Pihkala (2006: 20) pula menghuraikan secara terperinci perbezaan sosioterminologi dengan terminologi tradisional. Menurut beliau, pendekatan sosioterminologi memperoleh asasnya apabila ahli-ahli terminologi menghadapi masalah yang tidak dapat diselesaikan menggunakan teori dominan peristilahan yang diasaskan oleh Wüster (1995: 18). Kritikan ahli-ahli terminologi tersebut berkisar sekitar lima perkara yang berasaskan prinsip teori tradisional peristilahan, dinyatakan seperti yang berikut:

Prinsip Peristilahan Tradisional	Pendekatan Sosioterminologi
Terminologi bermula daripada konsep, tanpa mengambil kira bahasa.	Bahasa memainkan peranan dalam pembinaan konsep dan kategori.
Konsep dan sistem konsep mempunyai batas yang jelas secara logik dan ontologi.	Banyak kategori yang kabur dan tidak dapat dikelaskan secara mutlak dari segi logik dan ontologi.
Semua konsep dapat diberikan takrif intensi.	Kadangkala takrif intensi bagi sesuatu konsep tidak dapat atau tidak perlu dibuat.
Setiap konsep hanya merujuk pada satu istilah dan satu istilah hanya boleh merujuk pada satu konsep.	Polisemi dan sinonimi wujud dalam bahasa khusus.
Konsep bagi sesuatu istilah adalah kekal.	Kategori sentiasa berevolusi, istilah pula boleh berubah makna, dan pemahaman manusia tentang sesuatu istilah sentiasa berkembang.

Seterusnya Pihkala (2006: 18) menerangkan lagi bahawa menurut ahli sosioterminologi, bahasa tidak sesuai untuk distandardkan kerana bahasa merupakan struktur abstrak yang mengalami perubahan berterusan. Penggunaan bahasa itu menggambarkan pengetahuan pengguna, pendapat, status sosial dan profesional serta hubungan kuasa antara unsur-unsur tersebut.

Sesuatu hasil seni itu tidak lahir daripada kosong, sebaliknya lahir daripada sejarah peradaban dan kehidupan masyarakat pendukungnya (Anwar 2008: 8). Masyarakat Melayu Malaysia begitu kaya dengan warisan seni kraf yang diwarisi sejak zaman berzaman. Memandangkan hubungan rapat antara hasil seni masyarakat Melayu dan istilah yang menghuraikan konsepnya, maka sudah pasti istilah tersebut menggambarkan budaya masyarakatnya. Tenunan, sulaman, tekat, batik dan ukiran merupakan antara seni kraf yang begitu sinonim dengan masyarakat Melayu. Kreativiti dan kehalusan seni begitu jelas terpancar dalam setiap hasil kerja tangan tradisional ini. Misalnya, penggunaan

pelbagai tumbuh-tumbuhan tropika dalam menghasilkan pelbagai bentuk barangan seni anyaman tidak dapat dipisahkan daripada cara hidup tradisional masyarakat di nusantara. Motif pula ialah corak-corak hiasan yang digunakan dalam proses melukis atau menerap batik. Bentuk-bentuk motif batik dihasilkan dalam dua bentuk utama, iaitu motif organik dan motif geometrik. Motif organik berunsurkan alam semula jadi seperti awan larat, tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga, dan haiwan. Contoh motif organik ialah motif ayam, bunga buluh, bunga kerak nasi, bunga orkid, bunga raya, daun sirih, pucuk rebung, rama-rama, dan siput. Manakala contoh motif geometrik pula ialah motif pucuk rebung dan bunga kotak bercampur. Jadual 1.0 memaparkan entri seni kraf Melayu dan huraian yang sedikit sebanyak dapat menggambarkan pemikiran Melayu dalam pembentukan istilah berkenaan. Berikut disenaraikan beberapa contoh entri yang dapat dilihat dalam seni kraf Melayu:

Bil.	Entri	Huraian
1.	anyam tapak bintang	Teknik menganyam tapak atau dasar bakul atau raga yang berbentuk bulat, biasanya anyaman yang dihasilkan berbentuk kelalai.
2.	awan larat	Reka corak ukiran berunsur tumbuhan yang mempunyai peraturan-peraturan dan falsafah khusus yang bentuknya berangkai, bermula dari satu tempat dan berkembang hingga memenuhi ruang seperti awan larat jawa, awan larat boyan, awan selimpat, awan telipuk dan lain-lain.
3.	bunga cempaka	Motif ukiran berunsur tumbuhan berbentuk bunga cempaka.
4.	burung	Motif tekat berunsur makhluk yang mengambil bentuk burung.
5.	itik pulang petang	Motif ukiran berunsur haiwan berbentuk itik berjalan berderetan, lazimnya diukir mengiringi motif besar.

Jadual 1: Entri dan Takrif.

Kesimpulan

Penyediaan data istilah dan perekodan data memerlukan kerjasama pakar subjek dan pakar istilah. Terminografi amat penting dalam menyebarkan maklumat peristilahan untuk kegunaan umum. Sebarang kerja terminografi haruslah bermula dengan menentukan unsur terminografi yang harus direkodkan. Unsur ini hendaklah sejajar dengan piawaian antarabangsa bagi memudahkan pertukaran data. Malaysia masih jauh ketinggalan dari segi prinsip dan amalan yang dilakukan oleh organisasi antarabangsa. Salah satu cara untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu hingga ke peringkat antarabangsa adalah melalui alaman terminografi yang setaraf dengan organisasi seperti INFORTERM dan TERMNET. Usaha-usaha ke arah mendokumenkan istilah seni kraf Melayu dalam kaedah yang diamalkan di negara-negara Barat akan dapat membantu istilah bahasa Melayu diserapkan ke dalam bahasa lain apabila terminografi dapat dilaksanakan dalam dwibahasa atau multi bahasa.

Bibliografi

- Antia, B. 2003. A theoretical note on applied conceptology: Conceptual categories an ancillary to methods of data analysis and interpretations in social sciences-oriented research. *Journal of International Institute for Terminology Research (IITF)*, 14: 5-14.
- Asmah Haji Omar. 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2002. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Din (pnyt.). 2008. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. 2008. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Caluwe, J. dan Taeldeman, J. 2003. Morphology in dictionaries. dlm. Sterkenburg, P.V. (pnyt.). *A Practical Guide to Lexicography*, hlm. 114-126. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Felber, H. 1995. *Panduan Peristilahan*. Terj. Zahrah Abd. Ghafur dan Salamiah Mat Sah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hartmann, R.R.K. (ed.). 1993. *Leksikografi: Prinsip dan Amalan*. Terj. Zainab Ahmad. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu. 2004. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Papaev, S. 2003. The role of terminology and classifications for knowledge bases. Kertas kerja *International TAMA Conference*, Pretoria, 17 – 21 Februari.
- Pitch, H. dan Draskau, J. 1985. *Terminology, An introduction*. Wien: K.G. Saur.
- Sager, J.C. 1995. *Kursus Amali dalam Pemprosesan Istilah*. Terj. Sulaiman Masri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sterkenburg, P.V. (pnyt.). 2003. *A Practical Guide to Lexicography*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Wuster, E. 2001. *The machine tool – an interlingual dictionary of basic concepts. terminologie und wissensordnung*. Austria: TermNet Publisher.